

# Pegawai unit bergerak JHDN belajar seni silat

8. Harian (M)

15 DEC 1988

KUALA LUMPUR, Rabu — Semua pegawai unit bergerak Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) diberi latihan seni mempertahankan diri 'Pancak 12' bagi membolehkan mereka menjaga keselamatan diri jika diserang ketika menjalankan tugas.

Timbalan Menteri Kewangan, Senator Mohd Farid Ariffin, berkata latihan itu diperkenalkan semata-mata sebagai langkah berjaga-jaga kerana pegawai berkenaan mungkin menghadapi bahaya ketika menjalankan tugas.

"Latihan ini adalah langkah berjaga-jaga dan tidak bermaksud menimbulkan ketakutan atau kebimbangan di kalangan orang ramai," katanya menjawab soalan Senator Dr Nordin Selatdi Dewan Negara hari ini.

Menurutnya, pegawai Unit Bergerak JHDN juga dilatih menjalankan tugas dengan sopan santun bagi menanamkan tanggungjawab membayar cukai pendapatan di kalangan orang ramai.

"Bagaimanapun kadang-kadang berlaku kejadian tidak diingini kerana pegawai itu mendapat tentangan dari orang ramai ketika menjalankan tugas dan mereka terpaksa bertindak balas," katanya.

Senator Mohd Farid berkata Unit Bergerak ditubuhkan di setiap cawangan awal tahun ini untuk mela-

wat orang perseorangan, peniaga dan syarikat untuk memastikan fail cukai pendapatan mereka didaftarkan.

*PENCAK/SILAT*  
Menurutnya, tujuan utama unit itu ditubuh ialah meluaskan asas cukai supaya lebih ramai yang boleh dikenakan cukai pendapat membayar cukai mereka.

Senator Mohd Farid berkata kerajaan terpaksa meningkatkan usaha mengutip cukai pendapatan kerana hanya 5.2 peratus daripada kira-kira 17 juta penduduk negara ini membayar cukai.

Selain itu, katanya, hanya 13 peratus daripada syarikat di negara ini membayar cukai pendapatan.

"Jumlah ini sangat rendah berbanding negara lain dan kerajaan terpaksa bertindak mengambil langkah sewajarnya," katanya.

Senator Mohd Farid berkata Kementerian Kewangan berharap pembayaran cukai pendapatan akan menjadi satu amalan biasa yang tidak perlu dipaksa pada masa akan datang.

Menjawab soalan tambahan Senator Ng Peng Hay, Senator Mohd Farid berkata kerajaan tidak dapat menerima kenyataan bahawa semua penaja hanya memperolehi pendapatan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.